



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN LALUAN CYCLE TO WORK

OLEH

YANG BERHORMAT TUAN SOON LIP CHEE
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU
PINANG MERANGKAP PENGERUSI BELIA DAN SUKAN

TARIKH / MASA / TEMPAT
27 JULAI 2018 (JUMAAT)
8.30 PAGI

TAPAK LALUAN CYCLE TO WORK
RIZAB PARIT MONSUN
JALAN PERDA BARAT, BANDAR PERDA
BUKIT MERTAJAM

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Soon Lip Chee

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Belia dan Sukan

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud

Puan Setiausaha Perbandaran

Ketua-Ketua Jabatan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Penduduk Bandar Perda

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

.....

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini dalam Majlis Perasmian Laluan “*Cycle To Work*” bersebelahan Rizab Parit Monsun Bandar Perda oleh Yang Berhormat Tuan Soon Lip Chee, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Belia dan Sukan.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Soon Lip Chee mewakili Yang Amat Behormat Ketua Menteri, Ahli-Ahli Majlis MPSP dan semua yang hadir kerana sudi meluangkan masa bersama MPSP pada pagi ini.

Tidak ketinggalan juga, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kerja-kerja menaiktaraf laluan “*Cycle To Work*” ini, terutamanya Jabatan Landskap MPSP.

Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

MPSP telah menyediakan Pelan Induk Laluan Berbasikal bagi seluruh Seberang Perai. Pelan induk ini mencadangkan laluan basikal sepanjang 210 kilometer yang berkonsepkan *road sharing* dari Kuala Muda di Seberang Perai Utara dan berakhir di Seri Ampangan di Seberang Perai Selatan. Jarak laluan basikal yang dicadangkan bagi setiap daerah adalah:-

- i. 90 kilometer di Seberang Perai Utara;
- ii. 55 kilometer di Seberang Perai Tengah; dan
- iii. 65 kilometer di Seberang Perai Selatan.

Laluan basikal juga disediakan di Taman Rekreasi Awam Taman Tunku, Seberang Jaya dan Taman Bandar Ampang Jajar, Permatang Pauh.

Cadangan dan perancangan laluan basikal berkonsepkan *road sharing* dan juga *dedicated lane* telah dan akan disediakan di:-

- Batu Kawan;
- Taman Merbau, Bagan Ajam sepanjang 310 meter;
- Persisiran Pantai Bagan Ajam (sepanjang laluan BORR) dan Taman Rekreasi Pantai Bersih sepanjang 9.2 km;

- Pulau Aman sepanjang 3.8 km;
- Taman Komuniti Bandar Perda iaitu Rizab Parit Monsun Bandar Perda yang akan dirasmikan pada hari ini.

Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Berbasikal merupakan salah satu kaedah pengangkutan yang dapat membantu mengurangkan masalah pencemaran dan melindungi alam sekitar serta dipraktikkan sebagai satu bentuk senaman untuk meningkatkan kesihatan dan rekreasi. Berbasikal adalah murah, mudah diselenggara, boleh dipercayai dan merupakan bentuk pengangkutan yang sesuai serta tidak memerlukan cukai jalan, insurans dan sebagainya. Berbasikal tidak mencemar (dan juga lebih senyap), tidak seperti kereta, yang menghasilkan berjuta tan asap beracun dan merupakan punca utama pencemaran udara. Oleh itu berbasikal membantu mengekalkan udara yang lebih bersih bagi pernafasan, dan mengurangkan pencemaran bunyi, menjimatkan tenaga dan ruang, serta melindungi seseorang daripada kesan penggunaan automobil yang merosakkan kesihatan. Atas factor-faktor inilah MPSP ingin menjadikan aktiviti berbasikal ini sebagai satu bentuk pengangkutan utama di bandar.

Projek Laluan Khas Berbasikal di Rizab Parit Monsun, Jalan Perda Barat, Bandar Perda, Seberang Perai Tengah adalah salah satu projek di

dalam Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022 di bawah Keutamaan Strategik SP03; Gaya Hidup Sihat yang bertujuan menyediakan infrastruktur untuk beriadah dan berbasikal dengan matlamat untuk:-

- i. Mencapai sasaran MPSP menjadi sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) menjelang 2022;
- ii. Menjana ekonomi dan mempromosi aktiviti berbasikal di kalangan masyarakat setempat.
- iii. Merapatkan perhubungan komuniti setempat dan memjimatkan tenaga sumber asli; dan
- iv. Menggalakkan penggunaan basikal sebagai medium pengangkutan di Seberang Perai.

Projek Laluan *Cycle To Work* di Rizab Parit Monsun, Jalan Perda Barat, Bandar Perda, Seberang Perai Tengah adalah sepanjang 1,175 meter dengan kelebaran 1.5 meter menggunakan *material concrete broom finish* dengan kemasan akhir konkrit gred 25 berpermukaan kasar pada ketebalan 100mm. Terdapat jambatan yang melalui parit monsun di Jalan Permatang Pauh (bersebelahan Politeknik Seberang Perai) bagi menghubungkan laluan tersebut sepanjang 7 meter dengan kelebaran 3 meter (termasuk *ramp up*). Projek Laluan Cycle to Work ini mula dibina di

tapak pada 6 Februari 2018 dan siap sepenuhnya pada 13 April 2018 dengan kos sebanyak RM171,707.50 yang dibiayai sepenuhnya oleh MPSP.

Penyediaan Laluan *Cycle to Work* di Bandar Perda dapat mewujudkan *connectivity* di antara kawasan perumahan, institusi-institusi pendidikan, bangunan-bangunan kerajaan dan swasta, tempat riadah dengan perkhidmatan BEST (*Bridge Express Shuttle Transport*) dan CAT (*Central Area Transit*) yang terletak kawasan sekitar kawasan Bandar Perda secara *dedicated lane* dan *road sharing*. Pembinaan laluan *Cycle to Work* ini juga dapat menghubungkan tempat kediaman dengan Central Business District (CBD) Bandar Perda yang terdiri daripada pejabat-pejabat kerajaan dan swasta, bank-bank, pusat-pusat perniagaan, restoran dan kedai makan, institusi-institusi pendidikan dan tempat riadah.

Penyediaan laluan “*Cycle to Work*” adalah salah satu usaha untuk menjadikan berbasikal ke tempat kerja satu amalan untuk mengurangkan pelepasan karbon supaya Seberang Perai menjadi bandar rendah karbon dan seterusnya menjadikan Seberang Perai - *Aspiring City of Tomorrow*.

Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Atas dasar keprihatinan terhadap kehendak masyarakat setempat, MPSP telah merancang dan menyediakan kemudahan awam seperti laluan *Cycle to Work* dan taman-taman riadah seperti *Upcycle Park*, Taman Komuniti dan Taman Tecoma.

1. *Upcycle Park* yang terletak di seberang jalan ini adalah taman riadah yang berkeluasan 9,684.5 meter persegi (tasik berkeluasan 4,456 meter persegi, manakala kawasan hijaunya adalah 5,228.5 meter persegi). Taman ini menempatkan pelbagai jenis barang *upcycle* dan merupakan taman *upcycle* yang pertama dibangunkan di Malaysia.

2. Taman Tasik Tecoma yang terletak di sebelah *Upcycle Park* mempunyai kolam tadahan yang besar dan merupakan tapak perasmian Program Penanaman 3,000 Pokok *Tabebuia spp.* (*Tecoma*) sempena Hari Kemerdekaan ke-60 pada 27 Ogos 2017 di seluruh Seberang Perai. Sebanyak 700 pokok Tecoma telah ditanam di sekeliling kolam tadahan tersebut. Taman ini dirancang untuk dijadikan lokasi “*photo session*” perkahwinan, laluan berbasikal, tempat memancing dan beriadah.

3. Taman Komuniti pula terletak di sepanjang parit monsoon bersebelahan Pangsapuri Permata sehingga Jalan Permatang Pauh. Di taman inilah terletaknya laluan “*Cycle to Work*”. Dalam taman ini program “1 Bayi 1 Pokok” akan dilancarkan pada 22 September 2018.

MPSP menyediakan kemudahan awam untuk meningkatkan kualiti hidup 20,500 penduduk di sekitar Bandar Perda tanpa mengira status. Saya berharap dengan wujudnya kemudahan awam, iaitu Laluan *Cycle to Work* dan taman-taman riadah seperti ini dapat memberi impak terhadap peningkatan kualiti persekitaran kawasan ini dan menjadi *catalyst* kepada *Local Economic Development* (LED) serta memenuhi ekspektasi penduduk setempat demi mencapai kualiti hidup yang lebih baik.

Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya berharap agar penduduk setempat dapat sama-sama menjaga Laluan *Cycle to Work* dan juga ketiga-tiga taman serta kemudahan yang disediakan di sini. Hargailah kemudahan yang disediakan semoga iaanya dapat memberi manfaat kepada seluruh penduduk. Jadikanlah kemudahan-kemudahan ini sebagai reruang rekreasi awam dan sukan untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup dan juga sebagai

platform integrasi sosial dalam masyarakat. Kerjasama dan komitmen semua pihak adalah amat diperlukan dalam merealisasikan hasrat MPSP.

Akhir kata, marilah sama-sama kita merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memacu Pulau Pinang ke arah “*Cleaner, Greener, Safer and Healthier*”. Sokongan dan penglibatan rakyat adalah amat diperlukan bagi menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon pada tahun 2022. Sekali lagi, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Soon Lip Chee, Ahli-Ahli Majlis MPSP, warga kerja MPSP serta seluruh penduduk Seberang Perai yang hadir memberikan sokongan penuh ke atas usaha-usaha ini.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Sekian, terima kasih.